

22 AUG 1998

DAP-Kongres

DAP MAHU JAWATANKUASA SEMUA PARTI BERHUBUNG KRISIS EKONOMI

KUALA LUMPUR, 22 Ogos (Bernama) -- DAP hari ini meminta supaya diadakan persidangan tergepar Parlimen sebagai persediaan untuk mengharungi kesukaran di bulan-bulan akan datang memandangkan masalah ekonomi yang dihadapi oleh negara.

Setiausaha Agung DAP Lim Kit Siang berharap Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan bersetuju untuk menubuhkan jawatankuasa Parlimen berhubung krisis ekonomi yang terdiri daripada semua parti untuk memantau kemajuan usaha-usaha memulihkan ekonomi negara.

Beliau berkata, ini juga bagi menyediakan forum berjadual bagi anggota-anggota Parlimen untuk berkomunikasi dengan pihak berkuasa mengenai pandangan orang ramai berhubung krisis itu supaya kerajaan mendapat sokongan tidak berbelah bahagi daripada rakyat.

Dr Mahathir perlu menjelaskan "langkah-langkah mengejutkan" yang beliau sebut di Kota Kinabalu baru-baru ini supaya ia boleh didebatkan sama ada (langkah-langkah itu) adalah bertepatan dan boleh diterima oleh rakyat, kata beliau semasa merasmikan kongres kebangsaan kali ke 12 parti itu di sini, hari ini.

Sementara itu, Lim berkata beliau tidak terkejut jika Parlimen dibubarkan selepas sahaja Sukan Komanwel ke 16 untuk memberi laluan kepada pilihan raya pada pertengahan Oktober.

Beliau berkata, DAP mesti berusaha menyelesaikan pertikaian dalam parti sejak tiga bulan lepas untuk menghadapi cabaran termasuk menafikan BN majoriti dua pertiga dalam pilihan raya akan datang.

Beliau berkata kongres parti hari ini mesti melantik jawatankuasa eksekutif pusat yang utuh untuk menyelamatkan DAP daripada krisis paling teruknya dalam 32 tahun.

"Kongres perlu menghantar mesej yang jelas dan betul kepada rakan dan musuh ddalam mengakhiri krisis dalaman DAP paling teruk dalam tempoh 32 tahun," katanya.

-- BERNAMA

MAM PR